

NO. SOALAN : 45

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WONG LING BIU [SARIKEI]

TARIKH : 16.11.2017 (KHAMIS)

Tuan Wong Ling Biu [Sarikei] minta KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGUNAAN menyatakan berapakah jumlah dijimatkan oleh Kerajaan pada setiap tahun selepas subsidi minyak masak dibatalkan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Kerajaan telah merasionalisasikan pemberian subsidi bagi minyak masak mulai bulan November 2016, di mana subsidi minyak masak bagi pek polibeg 500gram, botol 2kg, 3kg dan 5kg telah dimansuhkan. Dengan pemansuhan tersebut, dijangka sebanyak **RM69.4 juta** dapat dijimatkan oleh Kerajaan pada tahun ini berbanding tahun 2016.